Rujukan : UKM. KPD. BPA.600-4/3/2
Tarikh : 12 Mei 2020

Semua Pelajar Program Prasiswazah
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2019-2020

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 3 SesAkademik 2019-2020 akan bermula pada 10 Ogos 2020.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

| BIL | PERKARA |
|---|---|
| 1. | Pendaftaran kursus awal akan bermula 27 Mei hingga 3 Jun 2020 secara atas talian melalui laman web http://www.ukm.my/smpe. Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan. |
| 2. | Sila rujuk penawaran kursus yang ditawarkan oleh fakulti di laman web http://www.ukm.my/pkp. Sila klik pada menu pendaftaran awal untuk mendaftar kursus. |
| 3. | Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2019-2020 tidak dibenarkan mendaftar pada Semester 3 ini. |

| | |
|---|---|
| 4. | Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 adalah seperti berikut:<br><br>i. Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2019-2020 adalah **DIWAJIBKAN** oleh pihak fakulti;<br><br>ii. Pelajar dibenarkan mengambil **TIDAK MELEBIHI DUA (2)** kursus sahaja, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada fakulti;<br><br>iii. Pelajar hanya boleh gugur kursus semasa minggu pendaftaran kursus sahaja **(17-23 Ogos 2020)**;<br><br>iv. Tarik diri kursus boleh dilakukan sehingga minggu ke-5 perkuliahan iaitu dari **24 Ogos – 13 September 2020** dan akan diberikan gred TD;<br><br>v. Gred-gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambilkira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada semester berikutnya (Semester 1 Sesi Akademik 2020-2021);<br><br>vi. Tempoh pengajian Semester 3 tidak diambilkira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan ijazah; |

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn Massarah Abd Talib di talian 03-8921 3375 atau melalui emel ke massarah@ukm.edu.my.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,

**NOOR SUZILAWATI DESA**
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p Timbalan Pengarah

s.k.
- Penyelaras Program
- Penolong Pendaftar, Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar PKP
- Penolong Bendahari, Bahagian Kewangan PKP
- Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat PKP

CERTIFIED TO ISO 9001:2015 Cert. No. QMS 01100

**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**
Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5585 Faks: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

1970-2020 UKM #menciptamasadepan
Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities* www.ukm.my